

**PERANAN KETERANGAN PAKAR DALAM PEMBUKTIAN KES MAHKAMAH SYARIAH:
ANALISIS BERDASARKAN *QARINAH* DAN *MAQASID AL-SYARI'AH***

*THE ROLE OF EXPERT EVIDENCE AS A MEANS OF PROOF IN SHARIAH COURT CASES:
AN ANALYSIS BASED ON QARINAH AND MAQASID AL-SHARIAH*

ⁱMohamad Azhan Yahya, ⁱAhmad Azam Mohd Shariff, ⁱMohd Izzat Amsyar Mohd Arif, ⁱMohamad Rizal Abd Rahman,
ⁱⁱMohd Sabree Nasri & ⁱⁱⁱ*Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim

ⁱFaculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ⁱⁱFaculty of Law, Governance and International Relation, Universiti Islam Melaka, 78200, Kuala Sungai Baru,
Melaka, Malaysia

ⁱⁱⁱIslamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81300,
Johor Bahru, Johor, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: tuanfaris.tf@gmail.com

Article history:

Submission date: 12 August 2025
Received in revised form: 2 October 2025
Acceptance date: 10 December 2025
Available online: 30 April 2026

Keywords:

Expert witness, qarinah, maqasid al-shariah, ta'zir, scientific evidence, saksi pakar, qarinah, maqasid syariah, takzir, keterangan saintifik

Funding:

This research received a grant from the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) through the Geran Kompetitif Fakulti Undang-Undang (FUU) Kod UU-2024-017 for funding this research.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Yahya, M. A., Mohd Shariff, A. A., Mohd Arif, M. I. A., Abd Rahman, M. R., Nasri, M. S., & Tuan Ibrahim, T. M. F. H. (2026). Peranan keterangan pakar dalam pembuktian kes Mahkamah Syariah: Analisis berdasarkan qarinah dan maqasid al-syari'ah: The role of expert evidence as a means of proof in Shariah court cases: An analysis based on qarinah and maqasid al-shariah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 14(1), 215-229. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol14no1.1536>

Ethic approvals:

This study did not require ethics approval as it is non-interventional qualitative research based solely on document analysis with no human participants or identifiable personal data involved.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

Expert evidence plays a crucial role as a means of proof in Shariah court cases, especially in the absence of *syahādah* (eyewitnesses) or *iqrār* (confession). This article aims to analyse the position and function of expert evidence as *qarīnah* (circumstantial evidence) in line with the objectives of Shariah (*maqāsid al-syārī'ah*), which prioritise justice, dignity, and the prevention of injustice. This study employs a qualitative doctrinal approach through the analysis of eight court decisions delivered between 1960 and 2023, alongside a comparative examination of the Syariah Court Evidence (Federal Territories) Act 1997, several state enactments, and the Evidence Act 1950. The criteria for case selection include evidentiary issues involving scientific proof such as DNA, forensic, or medical evidence and disputes concerning the probative value of expert testimony. The findings reveal that although current provisions such as Sections 33 and 34 of the Syariah Court Evidence (Federal Territories) Act 1997 recognise expert evidence, implementation remains limited due to procedural and legal constraints, including the absence of clear assessment guidelines and the uncertainty surrounding the probative value of *qarīnah*. The article proposes improvements to existing legislation through the standardisation of expert testimony requirements and the integration of the “chain of custody” principle from the civil law system. This study contributes to strengthening the evidentiary framework of the Shariah Court by harmonising Islamic legal principles with contemporary forensic practices and may serve as a useful reference for other jurisdictions applying Islamic law in enhancing the use of expert and scientific evidence within their evidentiary frameworks.

ABSTRAK

Keterangan pakar memainkan peranan penting dalam pembuktian kes di Mahkamah Syariah, khususnya dalam situasi ketiadaan *syahādah* atau *iqrār*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kedudukan dan fungsi keterangan pakar sebagai *qarīnah* dalam pembuktian kes berdasarkan prinsip *maqāṣid al-syāri'ah* yang menekankan keadilan, perlindungan maruah, dan pencegahan kezaliman. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara doktrinal melalui analisis lapan keputusan mahkamah yang diputuskan antara tahun 1960 hingga 2023, di samping perbandingan antara Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, beberapa enakmen negeri, dan Akta Keterangan 1950. Kriteria pemilihan kes meliputi isu pembuktian yang melibatkan bukti saintifik seperti DNA, forensik atau perubatan dan pertikaian mengenai nilai probatif keterangan pakar. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun peruntukan semasa seperti Seksyen 33 dan 34 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 mengiktiraf keterangan pakar, pelaksanaan di lapangan masih menghadapi kekangan dari aspek perundangan dan prosedur, termasuk ketiadaan garis panduan penilaian dan isu kekuatan probatif *qarīnah*. Kajian ini mencadangkan penambahbaikan terhadap enakmen sedia ada melalui penyeragaman standard keterangan pakar dan integrasi prinsip “*chain of custody*” daripada sistem sivil. Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan kerangka pembuktian dalam Mahkamah Syariah melalui gabungan prinsip Islam dan pendekatan forensik kontemporari serta berpotensi menjadi rujukan kepada bidang kuasa lain yang mengaplikasikan undang-undang Islam dalam mempertingkatkan penggunaan keterangan pakar dan bukti saintifik dalam sistem pembuktian mereka.

Pengenalan

Dalam sistem perundangan Islam, pembuktian memainkan peranan penting dalam memastikan keadilan ditegakkan selaras dengan tuntutan syarak (Alias *et al.*, 2024a; Muhlisina, 2024; Zamani *et al.*, 2024). Mahkamah Syariah di Malaysia beroperasi dengan prinsip pembuktian yang berasaskan *syahādah* (penyaksian) dan *iqrār* (pengakuan), khususnya dalam kes yang melibatkan kesalahan jenayah Syariah seperti zina, liwat dan sumbang mahram (Wan Ismail *et al.*, 2024). Namun, realiti pelaksanaan undang-undang di peringkat negeri menunjukkan bahawa sabitan kes sering berdepan kesukaran apabila ketiadaan saksi lelaki yang mencukupi atau pengakuan secara sukarela daripada tertuduh tidak dapat diperoleh (Abd Rahim, 2024; Tuan Ibrahim *et al.*, 2025b). Hal ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan sistem pembuktian sedia ada dalam menangani kes-kes yang rumit dan memerlukan penilaian berdasarkan bukti sokongan atau *qarīnah*.

Dalam konteks ini, keterangan pakar merupakan salah satu bentuk *qarīnah* yang semakin diberi perhatian, terutama dalam kes yang melibatkan aspek teknikal atau saintifik seperti ujian DNA (Ahmad *et al.*, 2019), laporan perubatan (Hatta, 2018), penilaian psikologi (Kamil *et al.*, 2025) dan pembuktian forensik digital (Tuan Ibrahim *et al.*, 2025c; Rosley *et al.*, 2023). Keterangan sebegini mampu membantu mahkamah memahami fakta kes yang berada di luar ilmu pengetahuan biasa seorang hakim (Amarini & Kartikawati, 2020; Mazhari, 2024). Namun, meskipun undang-undang Syariah seperti Seksyen 33 dan 34 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 telah mengiktiraf peranan keterangan pakar, masih terdapat kekangan dari segi pelaksanaan di peringkat mahkamah, termasuk ketidakjelasan garis panduan serta perbezaan standard antara negeri-negeri (Nasri *et al.*, 2024).

Walaupun terdapat beberapa kajian terdahulu, jurang kajian dapat dikenal pasti dalam beberapa aspek utama. Kajian lepas banyak menekankan aspek teori *qarīnah* dan kedudukan keterangan pakar dalam literatur Islam klasik, tetapi kurang memberi tumpuan kepada aplikasi praktikal dalam konteks undang-undang Syariah Malaysia. Perbincangan mengenai bukti saintifik dalam Mahkamah Syariah juga masih terbatas, khususnya dari segi mekanisme *chain of custody* dan standard akreditasi pakar (Tuan Ibrahim *et al.*, 2025a). Selain itu, analisis terdahulu jarang menghubungkan keterangan pakar dengan prinsip *maqāṣid* Syariah secara praktikal iaitu bagaimana hakim boleh menggunakan *maqāṣid al-syāri'ah* sebagai asas penilaian bukti di mahkamah.

Kajian ini menambah sumbangan baharu dengan mengemukakan analisis perundangan yang menghubungkan teori dan amalan. Ia bukan sahaja menilai kedudukan keterangan pakar sebagai *qarīnah* dalam Mahkamah Syariah tetapi juga membandingkan dengan prinsip undang-undang sivil serta mencadangkan kerangka reformasi yang kemas termasuk pindaan enakmen, garis panduan yang seragam dan mekanisme akreditasi pakar. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh disiplin akademik dalam bidang undang-undang keterangan Syariah tetapi juga memberi implikasi praktikal terhadap pelaksanaan keadilan di Mahkamah Syariah Malaysia.

Sehubungan itu, kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama, ia bertujuan menganalisis kedudukan dan fungsi keterangan pakar sebagai *qarīnah* dalam konteks undang-undang Syariah Malaysia. Kedua, ia membandingkan prinsip pembuktian keterangan pakar antara undang-undang Syariah dan undang-undang sivil termasuk isu nilai probatif dan kelayakan pakar. Ketiga, ia mencadangkan kerangka penambahbaikan undang-undang Syariah melalui pengenalan prinsip *chain of custody*, garis panduan penilaian dan mekanisme akreditasi pakar berasaskan *maqāṣid al-syāri'ah*.

Sorotan Literatur

Asas Fiqh Keterangan Pakar

Konsep keterangan pakar, atau *al-ra'yu al-khabīr*, telah lama diiktiraf dalam tradisi Islam sebagai bentuk *qarīnah* yang boleh digunakan untuk menyokong keputusan kehakiman. Mahmud Saedon (1996) menegaskan bahawa pandangan pakar diperlukan apabila isu yang dibicarakan berada di luar pengetahuan biasa seorang hakim. Ibn Qayyim (1989) turut menjelaskan bahawa pakar ialah individu yang memiliki keahlian khusus, dan keterangannya berdasarkan kepada tahap kemahiran yang tinggi. Dalam konteks probatif, Yahya *et al.*, (2023) mengingatkan bahawa prinsip *qarīnah al-zāhirah* menghendaki bukti yang cukup kuat untuk mencapai tahap yakin atau sekurang-kurangnya *zann al-ghālib*. Walaupun semua penekanan ini menunjukkan kepentingan kepakaran, kelemahannya ialah literatur klasik masih bersifat deskriptif dan tidak memperincikan bagaimana hakim boleh menilai ketulenan atau kesahihan bukti saintifik moden. Artikel ini cuba mengisi jurang tersebut dengan mengemukakan kerangka praktikal berasaskan *maqāṣid al-syāri'ah* untuk menilai keterangan pakar.

Pandangan Mazhab dan Perbandingan

Pandangan mazhab utama menunjukkan sokongan terhadap penggunaan keterangan pakar dalam situasi tertentu. Mazhab Syafie dan Hanafi membenarkan penggunaan pendapat pakar dalam isu teknikal seperti kecacatan fizikal atau perubahan, manakala mazhab Maliki menekankan sifat objektif dan profesional keterangan pakar, sehingga tidak tertakluk kepada syarat bilangan saksi seperti *syahādah* (Shariff, 2019). Ibn Rusyd bahkan membenarkan pakar wanita atau bukan Muslim untuk memberi pandangan dalam isu teknikal (Wahid *et al.*, 2024). Pandangan ulama kontemporari seperti Abdullahi (2017) turut menyokong penerimaan keterangan pakar wanita atau bukan Muslim jika terbukti mempunyai kepakaran. Namun, kelemahannya ialah perbincangan mazhab lebih tertumpu kepada muamalat dan kes fizikal klasik, tanpa garis panduan yang jelas tentang bukti saintifik moden seperti DNA, cap jari atau laporan psikologi. Justeru, perbincangan ini perlu dikembangkan kepada cabaran kontemporari sesuatu yang menjadi fokus artikel ini.

Amalan Perundangan Sivil dan Malaysia

Dalam undang-undang sivil Malaysia, Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 menjadi asas penerimaan keterangan pakar. Nasri *et al.*, (2025) menegaskan bahawa ia merupakan pengecualian kepada larangan keterangan pendapat, dan hanya dibenarkan apabila isu teknikal berada di luar pengetahuan hakim. Prinsip *common knowledge rule* yang dibentuk dalam kes *R lwn Turner* (1975) menegaskan bahawa pandangan pakar hanya diterima apabila isu tidak boleh difahami oleh orang biasa. Kes *Junaidi bin Abdullah lwn Public Prosecutor* (1993) 3 MLJ 229 pula menggariskan dua prasyarat iaitu isu perlu melibatkan kemahiran istimewa dan pakar yang dipanggil mesti memiliki kelayakan tersebut. Nasri dan Noor (2024) menambah bahawa prinsip ini memastikan hanya pakar bertauliah yang diiktiraf layak memberi keterangan, sama ada melalui kelayakan akademik atau pengalaman praktikal. Kes-kes seperti *PP lwn Toh Kee Huat* (1977), *Teng Kum Seng lwn PP* (1960), *Chandrasekaran lwn PP* (1971) dan *PP lwn Forster Frank Edald Heinrich* (1988) menunjukkan variasi penggunaan keterangan pakar dalam sains, seni, tulisan tangan dan undang-undang asing (Rajamanickam, 2017; Helm, 2021; Baharuddin *et al.*, 2021).

Dari segi bidang khusus, Weedn (2021) dan Becas *et al.*, (2021) menekankan bahawa laporan bedah siasat memerlukan sokongan penjelasan pakar patologi kerana hakim tidak memiliki pengetahuan teknikal tersebut. Dalam konteks nilai probatif, kes *Nieves-Rodriguez lwn Peake* (2008) menunjukkan bahawa mahkamah menilai kewibawaan pakar berdasarkan metodologi dan rujukan dokumen, bukan semata-mata pada status pakar. Walaupun semua ini menunjukkan bahawa undang-undang sivil menyediakan kerangka terperinci, kelemahannya ialah ia bersifat prosedural dan tidak mengambil kira kerangka maqāsid Syariah. Dalam konteks Syariah, Ahmad *et al.*, (2020), Wan Ismail *et al.*, (2021) dan Novalia *et al.*, (2024) menekankan bahawa bukti saintifik mempunyai nilai probatif yang signifikan serta boleh berperanan sebagai keterangan sokongan dalam pembuktian kes takzir. Justeru, integrasi antara prinsip *maqāsid al-syāri'ah* dan undang-undang sivil perlu dirangka bagi memastikan sistem pembuktian lebih mantap.

Chain of Custody dan Akreditasi

Literatur semasa turut menekankan cabaran praktikal. Sabarudin (2023) menegaskan bahawa *qarīnah* perlu mencapai tahap yakin atau *zann al-ghālib*, tetapi tidak menghuraikan mekanisme teknikal untuk menjamin integriti bukti. Kajian oleh Shariff *et al.*, (2019) membincangkan bahawa mahkamah menerima keterangan pakar DNA dalam beberapa kes zina takzir, namun keputusan banyak bergantung pada budi bicara hakim kerana ketiadaan garis panduan kebangsaan. Abdul Mutalib *et al.*, (2020) dan Sabarudin *et al.*, (2022) pula menyatakan bahawa hubungan antara *qarīnah* dan fakta kes mestilah jelas, tetapi cabaran timbul apabila integriti bukti saintifik tidak dipelihara dengan prosedur rapi. Tambahan pula, masih tiada mekanisme akreditasi kebangsaan untuk pakar Syariah. Kekosongan ini menimbulkan risiko ketidakseragaman tahap kepakaran saksi yang dipanggil. Oleh itu, kelemahan utama dalam amalan semasa ialah ketiadaan prinsip “*chain of custody*” dalam undang-undang Syariah serta tiada standard akreditasi pakar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kaedah kajian perundangan tulen, iaitu berbentuk doktrinal (Muhamad *et al.*, 2021; Salleh *et al.*, 2021). Data dan bahan kajian diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan yang merangkumi enakmen keterangan Mahkamah Syariah, Akta Keterangan 1950, kes-kes mahkamah terpilih serta penulisan akademik berkaitan keterangan pakar, *qarīnah*, dan prinsip kebolehterimaan bukti dalam konteks Syariah dan sivil. Turut dikaji ialah prinsip-prinsip berkaitan rantaian bukti dan rantaian keterangan dalam perundangan sivil yang berpotensi diterapkan dalam sistem Syariah.

Prosedur Analisis

Sumber undang-undang

Kajian ini memfokuskan kepada sumber utama perundangan yang berkaitan dengan keterangan pakar, iaitu Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan 1950. Selain itu, beberapa enakmen negeri seperti Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Selangor, Johor dan Sabah turut diteliti bagi menilai sejauh mana terdapat perbezaan pendekatan atau persamaan dalam peruntukan mengenai keterangan pakar di peringkat negeri. Pemilihan sumber ini bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang kedudukan undang-undang Syariah dan sivil di Malaysia serta potensi integrasi prinsip antara kedua-dua sistem.

Kes yang dianalisis

Sebanyak lapan keputusan mahkamah yang diputuskan antara tahun 1960 hingga 2023 dianalisis secara mendalam. Kes-kes ini merangkumi Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia, serta satu kes rujukan dari United Kingdom (*R lwn Turner* (1975)) yang sering dijadikan panduan dalam perbincangan mengenai prinsip *common knowledge rule*. Kes-kes berkenaan dipilih kerana melibatkan isu kebolehterimaan, nilai probatif atau kelayakan pakar dalam memberikan keterangan di mahkamah. Analisis terhadap kes-kes ini bertujuan untuk meneliti pola justifikasi kehakiman dalam menerima, menilai atau menolak keterangan pakar.

Jadual 1. Analisis Kes Kehakiman berkaitan Keterangan Pakar di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil: Kajian Kes antara 1960–2023

No.	Kes & Rujukan	Mahkamah	Tahun	Isu Keterangan Pakar
1.	<i>Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Mad Ranger</i>	Mahkamah Syariah Sabah	2001	DNA – nasab/zina
2.	<i>Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli bin Abdul Japar</i>	Mahkamah Syariah Sabah	2007	DNA – anak luar nikah
3.	<i>Junaidi bin Abdullah lwn Public Prosecutor (1993) 3 MLJ 229</i>	Mahkamah Persekutuan	1993	Kelayakan pakar
4.	<i>PP v Toh Kee Huat (1977)</i>	Mahkamah Tinggi	1977	Cap jari
5.	<i>Teng Kum Seng lwn PP (1960)</i>	Mahkamah Tinggi	1960	Tulisan tangan
6.	<i>Chandrasekaran lwn PP (1971)</i>	Mahkamah Tinggi	1971	Seni/budaya
7.	<i>PP lwn Forster Frank Edald Heinrich (1988)</i>	Mahkamah Tinggi	1988	Undang-undang asing
8.	<i>R lwn Turner (1975)</i>	Court of Appeal, UK	1975	Common knowledge rule

Kes yang Dikaji

Dalam menentukan kes yang dianalisis, kajian ini menggunakan dua kriteria data utama, iaitu (a) kes yang secara jelas melibatkan isu pembuktian saintifik atau teknikal seperti DNA, forensik, perubatan, cap jari, atau tulisan tangan; dan (b) kes yang menimbulkan pertikaian tentang nilai probatif keterangan pakar atau tahap kelayakan saksi pakar. Bagi kriteria data yang dikecualikan, kes-kes yang tidak menyentuh isu keterangan pakar secara substantif atau hanya mengulangi prinsip umum tanpa analisis terperinci telah diketepikan. Pendekatan ini diambil bagi memastikan kes yang dianalisis benar-benar relevan dengan objektif kajian.

Teknik Analisis

Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis kandungan tematik secara manual. Setiap dokumen undang-undang dan kes yang dipilih dikaji melalui proses pembacaan berulang, pengekodan dan pengelompokan tema utama. Tema yang dikenal pasti merangkumi kebolehterimaan keterangan pakar, isu nilai probatif, perbandingan antara prinsip Syariah dan sivil, serta cadangan penambahbaikan dari sudut prosedur. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti persamaan, perbezaan dan jurang dalam kedua-dua sistem perundangan secara sistematik dan kritikal.

Skop Metodologi

Kajian ini mempunyai skop tertentu kerana hanya bergantung kepada analisis dokumen sekunder seperti statut, enakmen, keputusan kes dan artikel akademik. Ia tidak melibatkan data lapangan atau temu bual dengan hakim, peguam syarie atau pakar forensik. Oleh itu, dapatan kajian ini lebih berfokus kepada aspek normatif dan teoritikal berbanding dimensi praktikal di lapangan. Walaupun demikian, analisis doktrinal ini tetap memberikan nilai yang signifikan dalam menilai konsistensi undang-undang sedia ada dan keperluan penambahbaikan selaras dengan *maqāṣid al-syāri'ah*.

Dapatan Kajian

Keterangan Pakar dalam Undang-undang Syariah

Dalam sistem perundangan Syariah di Malaysia, peruntukan Seksyen 33 dan Seksyen 34 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan bahawa keterangan pakar adalah satu bentuk *qarīnah* yang boleh diterima oleh mahkamah (Ahmad *et al.*, 2020). Seksyen 33(1) memperincikan bahawa apabila mahkamah perlu membentuk suatu pendapat tentang undang-undang asing, sains, seni, pengenalan tulisan tangan, cap jari atau penentuan nasab, maka pandangan individu yang pakar dalam bidang tersebut dianggap sebagai *qarīnah*. Seksyen 33(3) menyatakan bahawa dua orang pakar hendaklah dipanggil jika ada, namun jika hanya seorang pakar sahaja yang boleh didapati, maka keterangannya mencukupi (Alias *et al.*, 2025). Jika terdapat percanggahan antara dua orang pakar, pakar ketiga boleh dipanggil untuk menyelesaikan pertikaian tersebut (Ismail *et al.*, 2021).

Keterangan pakar telah digunakan dalam beberapa kes sebenar. Antaranya ialah kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli bin Abdul Japar* (2007) di mana mahkamah menerima keputusan ujian DNA sebagai *qarīnah* yang mengaitkan tertuduh dengan kelahiran anak luar nikah (Azhar & Abdul Hadi, 2017). Begitu juga dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Mad Ranger* (2001), keterangan pakar DNA telah diterima oleh mahkamah untuk membuktikan hubungan antara tertuduh dengan bayi yang dilahirkan. Dalam kedua-dua kes tersebut, mahkamah tetap mensabitkan kesalahan takzir berdasarkan penilaian terhadap keterangan pakar dan bukti sokongan lain walaupun tiada keterangan saksi secara langsung dikemukakan (Shariff *et al.*, 2019).

Jadual 2. Analisis Penerimaan Keterangan Pakar dalam Kes Mahkamah Syariah dan Sivil

No.	Rujukan Penuh Kes	Isu Utama	Keterangan Pakar Dikemukakan	Chain of Custody Disebut	Keputusan Mahkamah & Rasional
1.	<i>Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Mad Ranger</i> (2001)	Hubungan tertuduh dengan bayi luar nikah (kes zina)	Ujian DNA oleh pakar forensik	Tidak disentuh	Mahkamah menerima bukti DNA sebagai <i>qarīnah</i> dan mensabitkan kesalahan takzir walaupun tiada empat saksi lelaki
2.	<i>Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli bin Abdul Japar</i> (2007)	Nasab anak luar nikah	Ujian DNA dan laporan pakar	Tidak disentuh	Mahkamah menerima ujian DNA sebagai <i>qarīnah</i> yang sah untuk sabitan takzir
3.	<i>Junaidi bin Abdullah lwn Public Prosecutor</i> (1993) 3 MLJ 229	Kelayakan pakar perubatan memberi pendapat	Keterangan doktor perubatan forensik	Tidak disentuh	Mahkamah Persekutuan menegaskan dua prasyarat: isu mesti teknikal & pakar mesti mempunyai kelayakan
4.	<i>PP lwn Toh Kee Huat</i> (1977) 1 MLJ 225	Pengesahan identiti melalui cap jari	Analisis cap jari oleh pakar	Tidak disentuh	Mahkamah menerima pendapat pakar cap jari sebagai fakta relevan
5.	<i>Teng Kum Seng lwn PP</i> (1960) MLJ 210	Ketulenan dokumen (tulisan tangan)	Analisis tulisan tangan oleh pakar	Tidak disentuh	Mahkamah menerima analisis tulisan tangan sebagai bukti sokongan
6.	<i>Chandrasekaran lwn PP</i> (1971) 1 MLJ 153	Penilaian seni/budaya dalam kes jenayah	Pendapat pakar seni	Tidak disentuh	Mahkamah menerima pendapat pakar kerana hakim tiada pengetahuan teknikal
7.	<i>PP lwn Forster Frank Edald Heinrich</i> (1988) 2 MLJ 317	Penentuan undang-undang asing	Pandangan pakar undang-undang asing	Tidak disentuh	Mahkamah menerima pendapat pakar undang-undang asing sebagai fakta relevan
8.	<i>R lwn Turner</i> (1975) QB 834 (UK)	Sama ada keterangan psikologi diperlukan	Pendapat pakar psikologi	Tidak disentuh	Mahkamah menolak kerana isu boleh difahami orang awam (<i>common knowledge rule</i>)

Berdasarkan ringkasan dalam Jadual 1, dapat diperhatikan bahawa penerimaan keterangan pakar di Mahkamah Syariah dan sivil menunjukkan corak yang berbeza tetapi saling melengkapi. Dalam kes Mahkamah Syariah seperti *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli bin Abdul Japar* (2007) dan *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Mad Ranger* (2001), sering dirujuk bagi menunjukkan penerimaan DNA sebagai *qarīnah* dalam prosiding jenayah Syariah. Hal ini menggambarkan keterbukaan Mahkamah Syariah terhadap bukti saintifik, namun tanpa garis panduan yang jelas, penilaian bergantung sepenuhnya kepada budi bicara hakim.

Sebaliknya, dalam sistem sivil, kes seperti *Junaidi bin Abdullah lwn Public Prosecutor* (1993) dan *R lwn Turner* (1975) menegaskan prinsip kelayakan pakar dan keperluan sebenar sebelum keterangan pakar diterima. Mahkamah menekankan bahawa hanya isu teknikal yang di luar pengetahuan awam wajar melibatkan pakar, manakala isu yang boleh difahami masyarakat biasa tidak memerlukan pendapat pakar. Pendekatan ini lebih ketat dan teratur kerana berlandaskan *common knowledge rule*.

Kes lain seperti *Toh Kee Huat* (1977), *Teng Kum Seng* (1960), *Chandrasekaran* (1971), dan *Forster Frank Edald Heinrich* (1988) menunjukkan kepelbagaian bidang kepakaran yang diiktiraf oleh mahkamah, termasuk cap jari, tulisan tangan, seni, budaya dan undang-undang asing. Walau bagaimanapun, satu pola yang seragam ialah ketiadaan sebarang perbincangan tentang prinsip *chain of custody*. Ini menimbulkan persoalan tentang integriti bukti saintifik, terutamanya dalam kes forensik dan DNA, apabila tiada mekanisme undang-undang yang memastikan bukti dikendalikan secara telus dan sistematik dari peringkat awal sehingga dibentangkan di mahkamah.

Analisis ini menegaskan bahawa walaupun keterangan pakar telah lama diterima dalam kedua-dua sistem, pelaksanaan di Mahkamah Syariah masih perlu diperkukuh melalui pengaplikasian prosedur *chain of custody*, serta garis panduan yang seragam agar selaras dengan *maqāṣid al-syāri'ah* dalam menegakkan keadilan dan mencegah kezaliman (Alias *et al.*, 2024b).

Keterangan pakar juga mendapat pengiktirafan daripada perspektif hukum syarak. Firman Allah dalam Surah al-Anbiya:

Terjemahan: Maka tanyakanlah kepada orang-orang yang berilmu jika kamu tidak mengetahui.

(Surah al-Anbiya 21:7)

Dalil di atas menjelaskan tentang perintah Allah untuk merujuk kepada orang-orang yang berilmu apabila menghadapi perkara yang tidak diketahui. Kedudukan pakar dalam menentukan sesuatu kes turut disebut dalam al-Qur'an melalui kisah dalam Surah Yusuf.

Terjemahan: Yusuf berkata, Dia menggodaku untuk menundukkan diriku kepadanya, dan seorang saksi dari keluarga wanita itu memberikan kesaksiannya: Jika baju Yusuf koyak di hadapan, maka wanita itu yang benar dan Yusuf termasuk orang-orang yang dusta, dan jika baju Yusuf koyak di belakang, maka wanita itulah yang berdusta, dan Yusuf termasuk orang-orang yang benar.

(Surah Yusuf, 12:26-27)

Hal ini menunjukkan bahawa individu yang menilai koyakan tersebut ialah seseorang yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam perkara berkenaan (Zaidan, 1984). Menurut Bahnasī (1989), pendapat pakar ialah keterangan daripada individu yang mempunyai kepakaran untuk menjelaskan isu teknikal dalam sesuatu kes. Ibn Qayyim (1989) turut menegaskan bahawa keterangan pakar yang adil hendaklah diterima dalam perkara yang memerlukan kepakarannya (Ibn Qayyim, 1989). Kebolehterimaan pendapat pakar juga dapat dilihat melalui peristiwa pada zaman pemerintahan Saidina 'Uthmān r.a. yang diriwayatkan oleh 'Abdullah Ibn Abī Bakr (Mālik ibn Anas, 1985). Dalam peristiwa tersebut, seorang lelaki telah ditangkap kerana mencuri buah-buahan. Saidina 'Uthmān r.a. kemudian memerintahkan agar seorang pakar dipanggil untuk menilai nilai buah yang dicuri bagi menentukan sama ada ia mencapai kadar yang membolehkan hukuman dijatuhkan. Saidina 'Uthmān r.a. kemudiannya menjatuhkan hukuman potong tangan setelah dipastikan nilai barang yang dicuri mencapai kadar yang ditetapkan. Peristiwa ini menunjukkan bahawa pandangan individu yang mempunyai kepakaran telah dirujuk dalam proses pembuktian dan penentuan hukum, sekali gus menjadi asas kepada penerimaan keterangan pakar sebagai salah satu bentuk *qarīnah* dalam undang-undang Islam.

Prinsip *qarīnah al-zāhirah* menghendaki tahap *al-zan al-ghālib* sebelum ianya diterima sebagai bukti (Sabarudin, 2023). Dalam kes takzir, *qarīnah* boleh diterima berdasarkan tahap *al-zan al-ghālib*, manakala bagi kes hudud, *qarīnah* hendaklah mencapai tahap yakin sebelum boleh diterima sebagai asas pembuktian. Maka, hubungan antara *qarīnah* dengan fakta yang menjadi isu hendaklah nyata dan mempunyai kaitan yang relevan (Abdul Mutalib *et al.*, 2020). Oleh itu, relevansi keterangan pakar dalam konteks fakta yang dipertikai menjadi asas kepada kebolehterimaan *qarīnah* dalam Mahkamah Syariah.

Kajian ini mencadangkan satu kerangka analisis berasaskan *maqāṣid al-syāri'ah* yang boleh dijadikan panduan praktikal kepada hakim dalam menilai keterangan pakar. Setiap dimensi *maqāṣid al-syāri'ah* dikaitkan secara langsung dengan kriteria pembuktian yang lazim digunakan dalam undang-undang keterangan, iaitu relevansi, kebolehpercayaan dan integriti.

Jadual 3. Cadangan Kerangka Berorientasikan *Maqāṣid* bagi Penilaian Kehakiman terhadap Keterangan Pakar

Prinsip Maqāṣid	Kriteria Pembuktian	Aplikasi dalam Penilaian Keterangan Pakar
<i>Hifz al-Dīn</i> (Pemeliharaan Agama)	Relevansi	Hakim menilai sama ada pendapat pakar mempunyai kaitan langsung dengan isu hukum Syariah yang dibicarakan, contohnya pendapat pakar forensik dalam kes zina hanya diterima jika ia benar-benar membantu mencapai standard <i>qarīnah al-zāhirah</i>
<i>Hifz al-Nafs</i> (Pemeliharaan Nyawa)	Kebolehpercayaan	Dalam kes melibatkan kecederaan, kematian atau liwat, laporan perubahan perlu disokong oleh kaedah saintifik yang sahih. Hakim boleh menolak laporan jika tiada asas metodologi yang kukuh atau jika dilakukan oleh individu tanpa kepakaran diiktiraf
<i>Hifz al-ʿIrdh</i> (Pemeliharaan Maruah)	Integriti	Hakim menimbang sama ada prosedur <i>chain of custody</i> dipatuhi dalam ujian DNA atau laporan makmal, bagi mengelakkan maruah pihak terlibat tercemar akibat bukti yang diragui integritinya
<i>Hifz al-Māl</i> (Pemeliharaan Harta)	Kebolehpercayaan dan Relevansi	Dalam kes pertikaian harta atau perbankan Islam, pandangan pakar kewangan hanya diterima jika berdasarkan data audit sahih dan piawaian industri yang diiktiraf, bukan spekulasi
<i>Hifz al-ʿAql</i> (Pemeliharaan Akal)	Relevansi dan Kebolehpercayaan	Dalam kes yang melibatkan keadaan psikiatri tertuduh, hakim hanya boleh menerima keterangan pakar psikiatri klinikal bertauliah. Pendapat yang tidak berdasarkan kaedah saintifik (misalnya astrologi atau pseudoscience) hendaklah ditolak kerana bercanggah dengan prinsip pemeliharaan akal

Kerangka ini memberi asas kepada hakim untuk menjadikan maqāṣid sebagai alat penilaian substantif, bukan sekadar prinsip umum. Misalnya, dalam kes Rosli bin Abdul Japar (2007), hakim boleh menjustifikasikan penerimaan ujian DNA bukan hanya atas dasar *qarīnah*, tetapi juga kerana ia memenuhi *hifz al-irdh* (melindungi maruah ibu dan anak dengan mengelakkan fitnah) serta *hifz al-nasl* (pemeliharaan keturunan yang termasuk dalam *hifz al-dīn*). Begitu juga, dalam kes *Junaidi lwn Public Prosecutor* (1993), prinsip *hifz al-ʿaql* boleh digunakan untuk menolak pendapat yang tidak berasaskan kaedah saintifik yang jelas. Dengan kerangka ini, *maqāṣid al-syāriʿah* dapat berfungsi sebagai panduan praktikal dalam menilai keterangan pakar, selari dengan tuntutan Syariah untuk menegakkan keadilan dan mencegah kezaliman.

Walaupun demikian, masih terdapat beberapa kekangan dalam peruntukan dan pelaksanaan semasa berkaitan keterangan pakar di Mahkamah Syariah. Antaranya termasuk:

- i. Ketiadaan garis panduan yang jelas berhubung keadaan yang memerlukan keterangan pakar, khususnya dalam menentukan sama ada sesuatu isu berada di luar pengetahuan biasa hakim atau pihak-pihak;
- ii. Ketiadaan penjelasan yang terperinci mengenai kedudukan dan kekuatan keterangan pakar dalam proses penghakiman, termasuk sama ada mahkamah terikat untuk menerima atau boleh menolak pendapat pakar;
- iii. Ketiadaan panduan khusus bagi menangani percanggahan antara pendapat pakar, terutamanya dalam menentukan kaedah penilaian terhadap kredibiliti dan kekuatan pendapat yang berbeza;
- iv. Definisi dan skop *qarīnah* yang masih bersifat umum dalam enakmen keterangan Syariah, sehingga membuka ruang kepada perbezaan tafsiran dalam penerimaannya; dan
- v. Ketiadaan peruntukan khusus berkaitan rantaian jagaan bukti (*chain of custody*) bagi bahan bukti saintifik, khususnya dalam memastikan integriti, ketulenan dan kebolehpercayaan bahan bukti sepanjang proses pengendalian dan pembuktian

Oleh itu, pelaksanaan keterangan pakar dalam Mahkamah Syariah memerlukan penambahbaikan agar penggunaannya lebih konsisten dan menyeluruh.

Keterangan Pakar dalam Undang-undang Sivil

Dalam sistem perundangan sivil Malaysia, peruntukan mengenai keterangan pakar terdapat dalam Seksyen 45 Akta Keterangan 1950. Seksyen ini membolehkan mahkamah menerima pendapat individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang undang-undang asing, sains, seni, tulisan tangan dan cap jari. Ia menetapkan bahawa pandangan pakar dalam bidang berkenaan dianggap sebagai fakta yang relevan. (Rajamanickam, 2017).

Keterangan pakar dianggap sebagai pengecualian kepada larangan keterangan pendapat kerana ia bertujuan membantu mahkamah memahami isu teknikal yang di luar pengetahuan biasa hakim. Prinsip asas yang dikenali sebagai "*common knowledge rule*" digunakan untuk menentukan sama ada bantuan pakar diperlukan (Shariff, 2019). Dalam kes *R lwn Turner* (1975), mahkamah memutuskan bahawa keterangan pakar tidak diperlukan sekiranya sesuatu isu dapat difahami oleh orang awam (Helm, 2021). Prinsip yang menetapkan bahawa keterangan pakar hanya diterima jika isu memerlukan kemahiran khusus dan saksi memiliki kelayakan atau pengalaman yang relevan telah ditegaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Junaidi bin Abdullah lwn Public Prosecutor* (1993) 3 MLJ 229. Nasri dan Noor (2024) turut menegaskan bahawa prinsip ini sejajar dengan keperluan mahkamah untuk memastikan pakar yang diiktiraf mempunyai kepakaran sebenar dalam bidang berkaitan, sama ada melalui kelayakan akademik atau pengalaman praktikal, selaras dengan peruntukan Seksyen 45 Akta Keterangan 1950. Bidang seperti forensik, DNA dan perubatan merupakan antara kepakaran yang kerap dimanfaatkan oleh mahkamah bagi menjelaskan fakta sesuatu kes. Sebagai ilustrasi, dalam kes pembunuhan, laporan bedah siasat semata-mata tidak memadai, kehadiran pakar patologi diperlukan untuk menghuraikan penemuan tersebut (Weedn, 2021).

Namun, penting untuk diingat bahawa keterangan pakar hanya berupa pendapat dan bukannya fakta mutlak. Maka, ia mempunyai nilai probatif yang lebih rendah berbanding keterangan fakta langsung. Menurut keputusan *Nieves-Rodriguez lwn Peake* (2008), keterangan pakar swasta yang tidak menyamak rekod pesakit dengan mendalam dianggap kurang bervalu probatif berbanding pendapat pakar separa kerajaan, menonjolkan fakta bahawa pendapat pakar bukanlah fakta mutlak (*Nieves-Rodriguez lwn Peake*, 2008).

Perbezaan ketara antara undang-undang sivil dan Syariah ialah dalam undang-undang sivil, prinsip relevansi dan kebolehterimaan disandarkan pada kerangka perundangan yang lebih tersusun. Manakala dalam undang-undang Syariah, meskipun istilah "relevan" tidak dinyatakan secara langsung, konsep *qarīnah* yang menghubungkan antara fakta boleh ditafsirkan sebagai bentuk relevansi secara tersirat.

Keterangan pakar juga telah digunakan secara meluas dalam kes berkaitan sains dan teknologi seperti:

- i. Cap jari (*PP lwn Toh Kee Huat* (1977));
- ii. Tulisan tangan (*Teng Kum Seng lwn PP* (1960));
- iii. Seni dan budaya (*Chandrasekaran lwn PP* (1971));
- iv. Undang-undang asing (*PP lwn Forster Frank Edald Heinrich* (1988)).

Secara keseluruhannya, undang-undang sivil memberikan rangka kerja yang lebih terperinci tentang bila dan bagaimana keterangan pakar boleh diterima. Justeru, Mahkamah Syariah boleh mengambil manfaat daripada prinsip ini dengan menyesuaikan dengan keperluan *maqāṣid al-syārī'ah* dan keperluan sistem pembuktian yang lebih mantap.

Perbincangan

Keterangan Pakar Sebagai Qarīnah dalam Mahkamah Syariah

Dalam konteks sistem kehakiman, peranan keterangan pakar semakin menonjol, termasuk di Mahkamah Syariah yang kini cenderung mengaplikasikan kaedah moden berasaskan sains. Dalam keadaan keterangan syahādah atau iqrār tidak dapat dikemukakan, analisis forensik dan ujian DNA boleh digunakan sebagai *qarīnah* yang mempunyai nilai probatif tinggi untuk membantu hakim menilai fakta kes secara lebih tepat serta menyokong proses penghakiman yang adil. Bagi memenuhi kehendak *qarīnah*

al-zahirah, sesuatu bukti berbentuk *qarīnah* hendaklah mempunyai hubungan langsung dengan fakta yang menjadi isu atau fakta relevan, serta disokong oleh kekuatan bukti yang memadai. Hubungan ini bukan sahaja merangkumi kaitan logik antara *qarīnah* dan fakta, tetapi juga tahap keyakinan yang dapat diperoleh daripadanya, sama ada pada paras *yaqin* atau sekurang-kurangnya *zann al-ghalib*, agar ia mampu berperanan secara efektif dalam membantu mahkamah membuat penentuan yang adil dan tepat (Sabarudin, 2023). Standard pembuktian dalam kes takzir yang lebih rendah berbanding hudud membolehkan keterangan pakar digunakan secara meluas sebagai alat sokongan (Tuan Ibrahim *et al.*, 2026). Sebagai contoh, Mahkamah Syariah Sabah dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli bin Abdul Japar (2007)* dan *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Mad Ranger (2001)* telah menerima keterangan pakar bersama bukti saintifik sebagai *qarīnah* yang sah untuk mensabitkan tertuduh, sekaligus memperlihatkan penerimaan bukti moden yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.

Selain itu, Seksyen 33 dan 34 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan bahawa keterangan pakar boleh diterima sebagai *qarīnah*. Malah, jika berupaya, dua orang pakar hendaklah dipanggil, namun keterangan seorang pakar tetap dianggap mencukupi sekiranya tiada pakar lain yang dapat hadir. Peruntukan ini menunjukkan bahawa undang-undang Syariah mempunyai pendekatan yang fleksibel dalam menerima keterangan pakar sebagai salah satu mekanisme pembuktian yang sah. Sokongan terhadap peranan pakar ini turut dapat dilihat dalam ayat-ayat al-Quran, yang mengiktiraf kepakaran sebagai asas untuk membuat penentuan dalam perkara yang memerlukan ilmu khusus, termasuk bidang perubatan dan teknikal.

Keterangan Pakar dalam Undang-undang Sivil

Dalam bidang perundangan sivil, Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 menetapkan bahawa keterangan pakar dianggap relevan bagi isu yang melibatkan bidang seperti sains, seni, cap jari, tulisan tangan dan undang-undang asing. Syarat yang dikenakan oleh mahkamah ialah individu yang memberi pandangan tersebut mestilah memiliki kepakaran melalui pendidikan formal atau pengalaman yang luas dalam bidang berkaitan (Rajamanickam & Abdul Rahim, 2014; Rajamanickam, 2017). Prinsip *common knowledge rule* yang diperkenalkan dalam kes *R lwn Turner* digunakan sebagai penentu sama ada keterangan pakar diperlukan; jika perkara teknikal tersebut boleh difahami oleh orang biasa tanpa bantuan pakar, maka keterangan tersebut tidak perlu dikemukakan.

Pendekatan mahkamah sivil menunjukkan bahawa pendapat pakar, walaupun tidak bersifat fakta mutlak, tetap boleh diterima apabila ia membantu hakim meneliti isu teknikal yang rumit. Dalam kes *Junaidi bin Abdullah lwn Public Prosecutor*, mahkamah menggariskan dua prasyarat penting iaitu pertama, isu yang dibicarakan memerlukan kemahiran istimewa, dan kedua, pihak yang memberi pandangan memiliki kelayakan tersebut. Mahkamah turut membezakan antara penerimaan keterangan dan penentuan kekuatannya, sesuatu pendapat pakar boleh diterima, namun nilainya perlu dinilai secara bebas oleh hakim. Prinsip ini boleh menjadi asas bagi Mahkamah Syariah dalam merangka mekanisme penilaian bukti yang lebih sistematik.

Kritikan Terhadap Kelemahan Semasa

Penerimaan keterangan pakar oleh Mahkamah Syariah masih berhadapan dengan beberapa kekangan penting. Antaranya ialah ketiadaan panduan rasmi yang boleh dijadikan rujukan bersama, menyebabkan hakim menilai berdasarkan budi bicara masing-masing dan berisiko menghasilkan keputusan yang tidak seragam. Tambahan pula, prinsip *chain of custody* yang menjadi teras kepada keutuhan bukti saintifik belum diintegrasikan dalam undang-undang Syariah negeri. Kekosongan ini berpotensi menimbulkan pertikaian terhadap keabsahan bahan bukti seperti ujian DNA, laporan analisis makmal, dan bukti saintifik lain.

Ketiadaan mekanisme akreditasi yang jelas bagi menentukan kelayakan seseorang pakar menimbulkan cabaran serius terhadap kebolehpercayaan keterangan pakar di Mahkamah Syariah. Tanpa sistem semakan atau pengesahan kelayakan yang tersusun, status seseorang sebagai pakar sukar dipastikan secara objektif dari aspek kepakaran, kemahiran dan pengalaman profesionalnya. Keadaan ini bukan sahaja melemahkan integriti proses pembuktian, malah boleh menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap sistem keadilan Syariah. Lebih daripada itu, keadaan ini bercanggah dengan prinsip *maqāṣid al-syāri'ah* yang bukan sahaja menekankan pemeliharaan keadilan secara umum, tetapi juga memberi panduan

praktikal dalam penilaian bukti oleh hakim. Sebagai contoh, prinsip *hifz al-dīn* menuntut agar keterangan pakar tidak bercanggah dengan akidah dan ketetapan syarak, *hifz al-nafs* menghendaki penilaian bukti forensik atau perubatan dibuat secara teliti demi melindungi nyawa dan keselamatan, *hifz al-'aql* menggariskan keperluan memastikan laporan pakar bebas daripada manipulasi, seiring dengan prinsip kebolehpercayaan dan integrity, manakala *hifz al-'irdh* menegaskan bahawa keterangan yang boleh mencemarkan maruah seseorang mesti diuji ketepatan dan relevansinya sebelum diterima. Dengan menghubungkan setiap prinsip *maqāṣid al-syāri'ah* kepada kriteria probatif seperti relevansi, kebolehpercayaan dan integrity, hakim mempunyai asas yang jelas untuk menjustifikasikan penerimaan atau penolakan keterangan pakar, sekali gus mencegah sebarang kemungkinan ketidakadilan atau penyalahgunaan prosedur.

Cadangan Pelaksanaan dan Kerangka Amalan

Bagi mengatasi kelemahan yang wujud dalam amalan semasa, adalah wajar beberapa pembaharuan dilaksanakan secara menyeluruh. Antara langkah utama yang dicadangkan ialah penggubalan garis panduan kebangsaan yang seragam oleh pihak berautoriti seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri. Garis panduan ini berperanan sebagai rujukan standard bagi seluruh negara, sekali gus memastikan keseragaman dalam prosedur penerimaan dan penilaian keterangan pakar di Mahkamah Syariah. Kandungannya perlu merangkumi kriteria kelayakan yang jelas untuk pengiktirafan seseorang sebagai pakar, termasuk latar belakang akademik yang diiktiraf, pengalaman profesional yang relevan, serta keperluan mengikuti latihan berkala bagi mengekalkan tahap kepakaran. Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan integriti proses pembuktian, malah dapat mengurangkan risiko ketidakseragaman keputusan mahkamah, seterusnya memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap sistem keadilan Syariah.

Kedua, prosedur penilaian terhadap keterangan pakar perlu distruktur semula dengan memperkenalkan instrumen atau indikator penilaian yang jelas, antaranya tahap kebolehpercayaan, keseragaman dan kaitan langsung dengan fakta kes. Pendekatan ini akan membantu hakim membuat penilaian secara lebih tepat dan berasaskan parameter yang seragam.


Ketiga, adalah wajar bagi setiap negeri meminda Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah untuk memasukkan prinsip *chain of custody* sebagai sebahagian daripada peruntukan undang-undang. Cadangan utama yang diketengahkan ialah memasukkan prinsip *chain of custody* ke dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Pindaan ini boleh dilakukan dengan menambah satu seksyen baharu yang memperuntukkan bahawa setiap bahan bukti saintifik yang dikemukakan di mahkamah hendaklah disertakan dengan rekod lengkap rangkaian jagaan, termasuk butiran individu yang mengendalikannya, tarikh serta masa pemindahan dan keadaan penyimpanan. Mahkamah juga diberikan kuasa untuk menolak bukti sekiranya rekod ini tidak lengkap atau menimbulkan keraguan terhadap integritinya. Melalui peruntukan ini, integriti bukti saintifik akan lebih terjamin dan keputusan kehakiman dapat dibuat berdasarkan bukti yang sahih dan boleh dipercayai.

Selain itu, pindaan enakmen juga dicadangkan bagi mewujudkan mekanisme akreditasi pakar. Peruntukan ini boleh berbentuk kewajipan bahawa hanya pakar yang diiktiraf oleh badan akreditasi di bawah seliaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dibenarkan memberi keterangan di mahkamah. Seseorang pakar hanya layak mendapat akreditasi jika memenuhi syarat tertentu seperti memiliki kelayakan akademik minima pada peringkat ijazah dalam bidang berkaitan, pengalaman profesional sekurang-kurangnya lima tahun, pendaftaran dengan badan profesional yang diiktiraf, serta pematuhan terhadap kod etika khusus. JKSM seterusnya bertanggungjawab menyelenggara daftar kebangsaan saksi pakar yang boleh dijadikan rujukan oleh semua Mahkamah Syariah di Malaysia. Prinsip ini berperanan memastikan semua bahan bukti saintifik dikendalikan dengan telus, teratur dan mematuhi piawaian undang-undang, termasuk merekodkan secara terperinci setiap peringkat pemindahan bukti daripada lokasi kejadian, ke pusat simpanan, sehingga dibentangkan di mahkamah.

Akhir sekali, sebuah badan akreditasi pakar Syariah perlu diwujudkan bagi menapis dan mengesahkan kelayakan individu sebelum diberi kebenaran untuk memberikan keterangan. Panel ini boleh diletakkan di bawah pengawasan sebuah unit khas di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) atau agensi berkaitan, dengan mandat untuk memastikan hanya pakar yang memenuhi standard akademik, profesional dan etika dibenarkan tampil di mahkamah. Pelaksanaan langkah-langkah ini dijangka dapat

memperkukuh keyakinan terhadap Mahkamah Syariah sebagai institusi yang mampu menegakkan keadilan selaras dengan tuntutan *maqāsid al-syāri‘ah*.

Dari segi pelaksanaan, pindaan enakmen perlu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dengan koordinasi JKSM dan Majlis Agama Islam Negeri. Latihan juga perlu diberikan kepada hakim, pendakwa syarie dan pegawai penyiasat agar mereka memahami prosedur *chain of custody* dan tatacara penggunaan pakar bertauliah. Dalam jangka pendek, iaitu satu hingga dua tahun selepas penggubalan, garis panduan kebangsaan dan daftar pakar boleh diwujudkan sebagai langkah awal. Dalam jangka sederhana, iaitu tiga hingga lima tahun, pindaan enakmen negeri dijangka dapat dilaksanakan secara berperingkat. Manakala dalam jangka panjang, penginstitusian penuh sistem akreditasi pakar serta pelaksanaan menyeluruh prinsip *chain of custody* boleh diwujudkan. Implikasi daripada cadangan ini bukan sahaja dapat mengurangkan risiko penolakan bukti saintifik kerana keraguan integriti, tetapi juga memastikan hanya pakar yang benar-benar bertauliah dibenarkan tampil di mahkamah. Secara keseluruhannya, langkah ini akan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap profesionalisme dan kredibiliti Mahkamah Syariah sebagai institusi keadilan.



Rajah 1. Kerangka Konseptual Pengukuhan Keterangan Pakar di Mahkamah Syariah

Rajah ini memperlihatkan kerangka konseptual yang menggariskan hubungan antara realiti semasa penerimaan keterangan pakar dalam Mahkamah Syariah, permasalahan utama yang timbul dalam pelaksanaannya, serta cadangan pembaharuan untuk memperkukuh keberkesanan dan kebolehterimaan keterangan pakar. Pendekatan ini bertujuan memastikan bahawa pembuktian kes dalam Mahkamah Syariah sejajar dengan *maqāsid al-syāri‘ah* dan prinsip keadilan moden.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, prinsip umum dalam undang-undang Syariah menunjukkan bahawa keterangan pakar mempunyai nilai pembuktian yang relevan dan boleh diterima oleh mahkamah, khususnya dalam membentuk qarinah bagi membantu hakim menilai dan mengesahkan fakta sesuatu kes. Kedudukan ini disokong oleh nas daripada al-Quran dan al-Sunnah, pandangan fuqaha serta peruntukan dalam Akta/Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Walaupun keterangan pakar dianggap mempunyai nilai probatif yang lebih rendah berbanding saksi biasa kerana ia hanya berbentuk pendapat, namun kebolehterimaannya tidak boleh diketepikan sama sekali. Ini kerana pendapat pakar tetap memainkan peranan penting dalam pembuktian kesalahan takzir dan penjatuhan hukuman.

Kepentingan keterangan pakar diperkuatkan lagi apabila pendapat yang dikemukakan itu bersandarkan kepada kepakaran dalam bidang berkaitan dengan fakta kes yang dipertimbangkan oleh mahkamah. Dalam konteks ketiadaan *syahādah* (saksi) atau *iqrār* (pengakuan), keterangan pakar berperanan membantu mahkamah mencapai tahap *zan al-ghalib* dalam menilai fakta kes sebelum sesuatu keputusan atau sabitan dibuat.

Namun begitu, kajian ini mendapati terdapat beberapa kelompongan dalam peruntukan undang-undang berkaitan keterangan pakar di Mahkamah Syariah. Antaranya ialah ketiadaan garis panduan penilaian yang jelas terhadap keterangan pakar, ketiadaan prinsip rangkaian jagaan (*chain of custody*) dalam enakmen Syariah dan ketiadaan sistem akreditasi kebangsaan bagi pakar Syariah. Kekosongan ini boleh menjejaskan keberkesanan serta integriti penggunaan keterangan pakar dalam sistem keadilan Syariah.

Justeru, kajian ini mencadangkan supaya pindaan dan penambahbaikan dibuat terhadap peruntukan undang-undang yang sedia ada. Garis panduan kebangsaan, sistem akreditasi pakar Syariah, serta pengiktirafan prinsip-prinsip rangkaian bukti dan penilaian saintifik perlu diperkenalkan dan dimasukkan dalam kerangka perundangan negeri. Langkah ini bukan sahaja dapat meningkatkan kredibiliti dan profesionalisme keterangan pakar, tetapi juga memastikan bahawa proses keadilan di Mahkamah Syariah dilaksanakan secara lebih menyeluruh, seragam dan menepati *maqāsid al-syāri'ah*, di samping berpotensi menjadi rujukan kepada bidang kuasa lain yang mengaplikasikan undang-undang Islam dalam memperkukuh penggunaan keterangan pakar dan bukti saintifik dalam kerangka pembuktian masing-masing

Rujukan

- Abd Rahim, F. S. (2024). Penggunaan syahadah (kesaksian) dalam perbicaraan kes-kes mal di Mahkamah Syariah. *Journal of Law and Governance*, 4(1), 38–45.
- Abdul Mutalib, L., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mohamed, M. F., Abd Murad, A. H., Mohd Wafa, K. A., & Suhid, A. (2020). Al-qarinah (circumstantial evidence) and its capacity in criminal cases, munakahat and wealth convictions according to Islam. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(3), 1016–1026.
- Abdullahi, Y. I. (2017). *A critical analysis of the means of proof in civil litigation under Islamic law* (Doctoral dissertation, Faculty of Law, Ahmadu Bello University). <https://kubanni.abu.edu.ng/items/b7d3dc06-6da4-42b2-964d-6afdd0ab081a>
- Ahmad, M. H., Baharuddin, A. S., Hashim, H., Shah, H. A. R., bin Ruskam, A., & Harun, M. A. W. (2020). Rejuvenating human capital in Syariah legal institutions through fiqh forensics fundamental module: A preliminary review. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(9), 9–24.
- Ahmad, M. H., Baharuddin, A. S., Mahat, N. A., Hashim, H., Abd Rahman Shah, H., Wan Ismail, W. A. F., & Abdul Mutalib, L. (2020). Penggunaan serangga sebagai keterangan dalam perundangan jenayah Islam. *Serangga*, 25(1), 68–83.
- Ahmad, M. H., Razak, R., Saharudin, N. S., Mohd Nasir, B., & Baharuddin, A. S. (2019). Analisis awal terhadap isu-isu kebolehterimaan asid deoksiribonukleik DNA sebagai bahan bukti di Mahkamah Syariah. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2), 165-181. <https://doi.org/10.11113/umran2019.6n2-2.392>
- Alias, M. A. A., Mohd Jailani, M. R., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2024b). The integration of five main goals of shariah in the production of science and technology for human well-being. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 5(1), 1–16. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v5i1.79>
- Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Mallow, M. S. (2024a). Wasa'il ithbat dalam undang-undang keterangan Islam: Analisis perundangan terhadap kebolehterimaan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah Malaysia: Means of proof in Islamic law of evidence: A legal analysis of the admissibility of electronic documents in Malaysian Syariah courts. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 689–700.
- Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Hashim, . H., & Mallow, M. S. (2025). An appraisal of the legal framework governing the admissibility of electronic documents as evidence in Malaysian Shariah courts: Current practices and future legal directions. *IIUM Law Journal*, 33(2), 69–108. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v33i2.1077>

- Amarini, I., & Kartikawati, R. (2020). Strengthening the Position of Expert Witness in Judicial Process. *Jurnal Media Hukum*, 27(1), 44-54. <https://doi.org/10.18196/jmh.20200141>
- Azhar, A., & Abdul Hadi, A. G. (2017, December). DNA sebagai qarinah di Mahkamah Syariah: Analisis terhadap Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Perlis 2006. In *Proceedings of the International Conference on Social Sciences, Humanities and Technology (ICSST 2017)*, (pp. 1–9).
- Baharuddin, A. S., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., Jusof, N., Mohd Ghazali, M. I., & Wan Harun, M. A. (2021). Halal forensics issues involving three-dimensional (3D) printing technology of cultured meat. *HALAL REVIEWS*, 1(1), 3–15. <https://doi.org/10.55265/halalreviews.v1i1.7>
- Bahnasī, A. F. (1989). *Nazariyyat al-ithbāt fī al-fiqh al-jinā'ī al-islāmī* (5th ed.). Dār al-Shurūq.
- Becas, D., Adriansen, A., Baccino, E., & Peyron, P.-A. (2021). Forensic autopsies and pathological examination: Current practice in Montpellier's jurisdiction. A retrospective study of 630 autopsies. *Annales de Pathologie*, 42(5), 412–423. <https://doi.org/10.1016/j.annpat.2021.11.002>
- Hatta, M. (2018). The position of expert witnesses in medical malpractice cases in Indonesia. *Al-Ahkam*, 18(1), 47-72. <https://doi.org/10.21580/ahkam.2018.18.1.2306>
- Helm, R. K. (2021). Evaluating witness testimony: Juror knowledge, false memory and the utility of evidence-based directions. *The International Journal of Evidence & Proof*, 25(4), 264–285.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1989). *Ṭuruq al-ḥukmiyyah fī al-siyāsah al-shar'īyyah*. Maktabah al-Mu'ayyad.
- Ismail, N., Mohamad, A. B., & Tajuddin, U. R. A. M. (2021). Kriteria pemilihan saksi pakar forensik di mahkamah. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 333–352.
- Kamil, K. M. M., Yahya, M. A., Arif, M. I. A. M., Shariff, A. A. M., Hassan, M. S., & Adenan, F. (2025). Application of qarinah and cyber document evidence in deviant teaching cases: Aplikasi qarinah dan keterangan dokumen siber dalam kes ajaran sesat. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(4), 15–24.
- Mahmud Saedon. (1996). *An introduction to Islamic law of evidence*. Hizbi.
- Mālik ibn Anas. (1985). *Al-Muwatta'*. Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.
- Mazhari, A.-Q. (2024). Jurisprudential and legal review of the validity of the expert's opinion. *Journal of Humanities and Social Sciences Studies*, 6(2), 60–72. <https://doi.org/10.32996/jhsss.2024.6.2.9>
- Muhamad, H., Shah, H. A. R., & Hassan, K. H. (2021). Legal analysis of forced labour in the context of international labour standard and the Malaysian law. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(2), 121–134.
- Muhlisina, M. (2024). Exploring the application of evidence in court in Islamic justice. *Dahzain Nur: Jurnal Pendidikan, Keislaman Dan Kemasyarakatan*, 13(2), 91–106. <https://doi.org/10.69834/dn.v13i2.175>
- Nasri, M. S., & Noor, R. M. (2024). Kedudukan keterangan pendapat mufti menurut undang-undang keterangan di Malaysia: Adakah sebagai pakar? Position of mufti's opinion evidence under law of evidence: Is it an expert? *Journal of Shariah Law Research*, 9(2), 185–206.
- Nasri, M. S., Md Noor, R., Hanafi, H., Samuri, M. A. A., Abdul Aziz, W., & Yahya, M. A. (2025). Reassessing the requirement of two expert witnesses in Malaysian Syariah courts: Legal ambiguities, fiqh principles, and legal reform. *Global Journal Al-Thaqafah, Special Issue*, 88–103. <https://doi.org/10.7187/gjatsi102025-6>
- Nasri, M. S., Noor, R. M., Yahya, M. A., Ibrahim, A. K., & Ismail, M. A. M. (2024). Kebolehterimaan keterangan pendapat pakar psikologi sebagai kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah. *Jurnal Sains Sosial*, 9(1), 73-89.
- Novalia, V., Azizah, L. H., Al-Islami, N., & Sukti, S. (2024). Ta'zir dalam pidana Islam: Aspek non material. *Terang: Jurnal Kajian Ilmu Sosial, Politik Dan Hukum*, 1(2), 225–234. <https://doi.org/10.62383/terang.v1i2.222>
- Rajamanickam, R. (2017). Skop Seksyen 45 Akta Keterangan 1950: Keperluan untuk semakan semula. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat, Isu Khas*, 1–14.
- Rajamanickam, R., & Abdul Rahim, A. (2014). The position of psychological expert evidence under the Malaysian Evidence Act 1950. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(14). <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n14p128>

- Rosley, N. A., Hashim, H., & Chow Jen-T'Chiang, N. Z. (2023). Combating the macau scam in Malaysia: Strategies for mitigation and resolution from civil law and shari'ah perspectives. *Law, Policy, and Social Science*, 2(2), 30–44. <https://doi.org/10.55265/lpssjournal.v2i2.40>
- Sabarudin, S. (2023). An analysis of prima facie evidence based on qarinah conviction in matrimonial cases heard before the Selangor Syariah Court. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 240–252.
- Sabarudin, S., Mohd Nor, A., & Saidon, R. (2022). An analysis of prima facie evidence based on qarinah's conviction in matrimonial offenses in the Selangor Syariah Court. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(2), 72–84. <https://doi.org/10.24191/jcis.v8i2.6>
- Salleh, M. K. M., Bahor, A., & Yahya, M. A. (2021). Position of fatwa in the constitution: A legal analysis. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(4), 2171–2188. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.4.04>
- Shariff, A. A. M., Rajamanickam, R., Selvaraj, H., Ming, K. F., Mohammad Arof, N. F., Mohd Zulkiflar, N. V., & Burhanudin, A. A. B. (2019). Relevancy and admissibility of medical expert witness in illicit intercourse under Shari'ah law. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 8(3), 271–278.
- Tuan Ibrahim, T. M. F. H., Nor Muhamad, N. H., & Baharuddin, A. S. (2025a). Chain of custody parameters for digital forensic evidence in Shariah Criminal Court proceedings. *IIUM Law Journal*, 33(2), 205–240. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v33i2.1088>
- Tuan Ibrahim, T. M. F. H., Nor Muhamad, N. H., & Baharuddin, A. S. (2025c). Maqāsid al-Shari'ah and digital forensics: Towards a fiqh-based evidentiary model in Shari'ah criminal justice. *Al-'Adalah*, 22(2), 565–598. <https://doi.org/10.24042/adalah.v222.27886>
- Tuan Ibrahim, T. M. F. H., Nor Muhamad, N. H., Alias, M. A. A., & Baharuddin, A. S. (2025b). Fiqh Al-Waqi': Teras revolusi keterangan forensik digital dalam membendung jenayah syariah siber. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 28–46. <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/1954>
- Tuan Ibrahim, T. M. F. H., Nor Muhamad, N. H., Alias, M. A. A., & Baharuddin, A. S. (2026). The role of digital forensics as qarinah muasirah in proving cyber offences under Malaysian Islamic evidence law. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, 11(1), 19–39. <https://doi.org/10.29240/jhi.v11i1.14738>
- Wahid, K., Nizam, N. K., & Nawawi, M. S. A. M. (2024). Penyaksian wanita dalam pengisbatan anak bulan: Satu analisis kontemporari: Women's witnesses in the determination of crescent: A contemporary descriptive analysis. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 165–174.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., & Alias, M. A. A. (2021). A systematic analysis on the admissibility of digital documents as evidence in Malaysian Syariah courts. *Pertanika Journals: Social Sciences & Humanities*, 29(3), 1981–1996. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.3.26>
- Wan Ismail, W., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Hashim, H., Baharuddin, A., Mohammed Hasan, B., & Alias, M. (2024). Analisis terhadap konsep penerimaan dan pengesahan E-Kitabah sebagai kaedah pembuktian menurut perundangan Islam di Malaysia. *LexForensica: Forensic Justice and Socio-Legal Research Journal*, 1(1), 1–12. <https://doi.org/10.33102/3rh8f970>
- Weedn, V. W. (2021). Bases of forensic pathology expert testimony with emphasis on Iowa v. Tyler. *Academic Forensic Pathology*, 11(4), 185–195.
- Yahya, M. A., Shariff, A. A. M., & Saifuddin, S. (2023). Application of principles of chain of evidence and chain of custody during storage and forensic examination of electronic documentary evidence in Shariah criminal cases in Malaysia. *IIUM Law Journal*, 31(S1), 143–164.
- Zaidan, A. K. (1984). *Nizām al-qadā' fi al-sharī'ah al-islāmiyyah*. Maktabah al-Bashar.
- Zamani, M. Y., Abid, A. A., & Zadrān, A. (2024). The importance of proving the accused crime according to Islamic Sharia, Afghan legislative documents, and scientific perspective. *Integrated Journal for Research in Arts and Humanities*, 4(6), 410–413. <https://doi.org/10.55544/ijrah.4.6.29>